



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : SISTEM PTV
KOD MATA PELAJARAN : BTT 4212
KURSUS : IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN TEKNIKAL
TARIKH UJIAN : NOVEMBER 2006
JANGKAMASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT SOALAN
SAHAJA DARIPADA ENAM
SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA MUKA SURAT

- S1 Pendidikan Teknik dan Vokasional telah melalui perkembangan iaitu dari sebelum perang dunia kedua, selepas Perang Dunia Kedua dan tahun 1960-an hingga sekarang.
- (a) Berikan definisi pendidikan vokasional. (2 markah)
 - (b) Nyatakan tujuan Pendidikan Teknik dan Vokasional. (4 markah)
 - (c) Berikan faktor-faktor kenapa Sekolah Ketukangan tidak mendapat sambutan ketika ianya diperkenalkan pada tahun 1926 hingga 1934. (8 markah)
 - (d) Nyatakan objektif penubuhan Sekolah Lanjutan Kampung. (6 markah)
 - (e) Berikan ciri-ciri sistem pendidikan aneka jurusan. (5 markah)
- S2 Pada 24 Mei 1995, Kementerian Pendidikan telah membentangkan memorandum daripada Menteri Pendidikan bertajuk "Cadangan Penstrukturan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Sekolah Menengah Teknik (SMT)" kepada kabinet dan telah mendapat kelulusan.
- Adakah anda menyokong penstrukturan ini? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda. (25 markah)
- S3 Kementerian Sumber Manusia adalah salah satu organisasi yang penting dalam perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. Salah satu pusat latihan vokasional yang berada di bawahnya ialah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).
- Jelaskan peranan MLVK dan bentuk pentauliahannya bagi melahirkan golongan berkemahiran dalam bidang vokasional. (25 markah)
- S4 Kemahiran vokasional boleh dilaksanakan di kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan bentuk kemahiran yang sesuai berserta contohnya bagi menyokong pendapat anda. (25 markah)

- S5 Kerajaan telah banyak membuat program untuk meningkatkan kemahiran teknikal di kalangan pelajar sekolah. Salah satu program yang telah dilaksanakan ialah "Program Sandaran". Jelaskan apa yang anda faham tentang program ini dan faedahnya kepada golongan pelajar. (25 markah)
- S6 Keusahawanan adalah satu elemen penting yang diterapkan dalam kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional sekarang. Pada pendapat anda, sejauh mana pendidikan keusahawanan mampu membuka ruang kerjaya kepada pelajar-pelajar dari aliran vokasional? Bincangkan dan sertakan contoh yang sesuai untuk menyokong pendapat anda. (25 markah)